

09 JUN 1997

Ling-KLIA

LANDASAN SATU KLIA GUNA SISTEM KELARAN UNTUK TINGKATKAN KESELAMATAN

SEPANG, 9 Jun (Bernama) - Landasan satu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang telah siap menggunakan sistem kelaran bagi meningkatkan keselamatan ketika kapal terbang mendarat dan berlepas, kata Menteri Pegangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata, penggunaan sistem itu merupakan cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pengurusan KLIA dan ia telah dilaksanakan dengan jayanya.

Dr Ling berkata, menerusi sistem itu permukaan landasan dikelar menggunakan mesin khas dan ini akan meningkatkan daya cengkaman tayar kapal terbang pada landasan ketika mendarat dan berlepas.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau kerja-kerja pembinaan lapangan terbang itu beliau berkata, sistem kelaran itu juga akan menghalang air daripada bertakung pada landasan ketika hujan lebat dan ini akan mengelakkan kapal terbang daripada tergelincir atau terbabas daripada landasan.

Dalam lawatan itu Dr Ling juga telah meninjau pembinaan tempat letak kereta jangka pendek dan jangka panjang di terminal utama KLIA serta kampus MAS.

Beliau berkata, kedua-dua tempat letak kereta itu yang akan siap mengikut jadual akhir tahun ini mampu menyediakan 12,600 tempat meletak kereta. Sebanyak 6,300 lot adalah bagi tempat letak kereta jangka pendek.

Tempat letak kereta jangka pendek akan menyediakan beberapa kemudahan seperti "check in", pengurusan bagasi, depoh bas dan medan makan, katanya.

Dr Ling berkata, secara keseluruhannya beliau berpuas hati dengan perkembangan pembinaan KLIA dan menegaskan bahawa banyak kemajuan dicapai berbanding lawatannya ke projek pembinaan itu tiga minggu lepas.

Mengenai tarikh sebenar pembukaan KLIA untuk penerbangan komersil, Dr Ling berkata, ianya akan diketahui selepas selesai tempoh ujian pendaratan serta percubaan di lapangan terbang itu bermula 15 Oktober hingga akhir tahun ini.

Beliau berkata, sungguhpun kerajaan berpuas hati dengan jaminan pihak pengurusan KLIA bahawa kebanyakan kemudahan di lapangan terbang itu akan siap penghujung tahun ini, namun tarikh tepat pembukaan KLIA untuk kegunaan komersil akan hanya ditentukan selepas tempoh percubaan itu. -- BERNAMA

AKT PR